

UNTUK TUJUAN ILUSTRASI SAHAJA

Jumlah Perlindungan: RM100,000 | Umur: 30 tahun | Jantina: Lelaki | Status: Sihat |
Tempoh Perlindungan: 1 tahun

Ini bukan perlindungan sebenar dan mungkin tidak tersedia di bawah pelan ini.

Untuk perlindungan sebenar dan ilustrasi berdasarkan maklumat anda, sila rujuk Ilustrasi Manfaat.

AmMetLifeTakaful

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai takaful keluarga anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; anda juga patut membacanya.

Pengendali Takaful	AmMetLife Takaful Berhad (AmMetLife Takaful)
Nama Pelan	i-Am Shield
Pelan	Pelan 2
Tarikh	DD/MM/YYYY

KETAHUI LEBIH LANJUT



AmMetLife Takaful Berhad (AmMetLife Takaful) ialah pengendali takaful keluarga berdaftar dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Langkah 1 Apakah i-Am Shield?

i-Am Shield adalah pelan diperbaharui setiap tahun penyakit kritikal takaful keluarga individu bertempoh. Ia menyediakan jumlah perlindungan sekiranya peserta mengalami salah satu daripada 36 penyakit kritikal yang dilindungi semasa tempoh perlindungan sehingga berumur 55 tahun pada hari lahir berikutnya.

Konsep Syariah yang diguna pakai:

- Wakalah** – Semua pemegang sijil melantik AmMetLife Takaful untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melaburkan dan menguruskan pelan takaful berlandaskan prinsip-prinsip Syariah. AmMetLife Takaful berhak menerima Fi Wakalah seperti yang dinyatakan dalam Ilustrasi Manfaat untuk menguruskan pelan ini.
- Tabarru'** – Semua pemegang sijil bersetuju untuk menderma sebahagian tertentu daripada sumbangan yang telah dibayar ke dalam Dana Risiko Peserta-peserta (DRP) untuk tujuan saling menolong dan membantu bersama.
- Qard** – Pinjaman tanpa faedah daripada AmMetLife Takaful sekiranya DRP berada dalam keadaan defisit. Pinjaman ini akan dibayar semula daripada lebihan yang terhasil daripada DRP pada masa hadapan.

Langkah 2 Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda

Jumlah Perlindungan Asas: RM100,000

Sebagai ilustrasi, dengan jumlah sumbangan sebanyak RM330 setahun, anda akan menerima perlindungan / manfaat takaful berikut:

Manfaat Penyakit Kritikal	Manfaat akan dibayar secara sekali gus sekiranya peserta mengalami salah satu daripada 36 penyakit kritikal seperti dibawah:
---------------------------	--

Senarai Penyakit Kritikal

1. Penyakit Alzheimer	13. Kegagalan Hati Tahap Akhir	25. Penyakit Sistik Medular
2. Meningitis Bakteria	14. Penyakit Paru-paru Tahap Akhir	26. Penyakit Neuron Motor
3. Tumor Otak Benign	15. AIDS Dengan Gejala Penuh	27. Sklerosis Mutlipel
4. Buta/Kehilangan Penglihatan Secara Menyeluruh	16. Hepatitis Virus Fulminan	28. Distrofi Otot
5. Pembedahan Otak	17. Serangan Jantung	29. Penyakit Arteri Koronari Serius Yan Lain
6. Kanser	18. Pembedahan Injap Jantung	30. Kelumpuhan/Paraplegia
7. Anemia Aplastik Kronik	19. Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah	31. Penyakit Parkinson
8. Koma	20. Kehilangan Upaya Hidup Sendiri	32. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer
9. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	21. Hilang Keupayaan Bertutur	33. Strok
10. Pekak/Kehilangan Pendengaran Secara Menyeluruh	22. Kelecuran Tahap Ketiga	34. Pembedahan Aorta
11. Ensefalitis	23. Transplan Organ Utama / Sumsum Tulang	35. Lupus Sistemik Eritematosus (SLE) Dengan Nefritis Lupus
12. Kegagalan Buah Pinggang Tahap Akhir	24. Trauma Kepala Major	36. Penyakit Terminal

Pengecualian – Pelan ini tidak melindungi sebab-sebab berikut:

- penyakit spesifik yang wujud dalam tempoh menunggu; atau
- cubaan untuk membunuh diri atau mencederakan diri sendiri sama ada semasa waras atau tidak waras; atau
- penyakit yang disebabkan oleh AIDS, kompleksasi berkaitan AIDS atau jangkitan oleh HIV; atau
- semasa berada di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau salah guna dadah selain daripada yang dipreskripsi oleh pegawai perubatan yang bertauliah; atau
- sinaran radiasi atau pencemaran radioaktif yang muncul daripada bahan api, sisa, proses atau bahan senjata sama ada secara sukarela atau tidak; atau
- keadaan sedia ada.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil Takaful untuk terma dan syarat yang lengkap.

UNTUK TUJUAN ILUSTRASI SAHAJA

Jumlah Perlindungan: RM100,000 | Umur: 30 tahun | Jantina: Lelaki | Status: Sihat |
Tempoh Perlindungan: 1 tahun

AmMetLifeTakaful

Ini bukan perlindungan sebenar dan mungkin tidak tersedia di bawah pelan ini.

Untuk perlindungan sebenar dan ilustrasi berdasarkan maklumat anda, sila rujuk Ilustrasi Manfaat.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai pelan anda, anda boleh:



Tulis Kepada Kami



1 300 22 9777



ammetlifetakaful.com



customercare@ammetlifetakaful.com

Langkah 3

Ketahui Kewajipan Anda

Untuk pelan takaful ini, anda perlu membayar sumbangan takaful sebanyak:

Jumlah Sumbangan: RM330.00 (setahun). Sumbangan ini tidak tetap dan akan meningkat berdasarkan umur anda. Rujuk Lampiran 1 – Jadual Sumbangan untuk maklumat lanjut.

Anda juga perlu membayar fi dan caj berikut:

Fi Wakalah	RM280.00 adalah kombinasi amaun tetap RM60, ditambah 40% daripada sumbangan selepas ditolak amaun tetap.
Caj Tabarru'	Amaun tabarru' adalah sumbangan setelah ditolak Fi Wakalah yang akan dimasukkan ke dalam DRP.
Komisen	Tiada komisen akan dibayar di bawah sijil ini.

Sumbangan selepas ditolak Fi Wakalah akan diperuntukkan ke dalam DPP. Fi Wakalah akan digunakan bagi membayar komisen kepada ejen dan perbelanjaan lain AmMetLife Takaful.

Langkah 4

Terma dan Syarat Yang Lain

Kepentingan membuat pendedahan – Anda mesti menjawab soalan yang kami kemukakan dengan lengkap dan tepat. Kecuaian dalam menjawab soalan boleh mengakibatkan tuntutan anda ditolak atau sijil takaful anda ditamatkan.

Tempoh Menunggu Penyakit Kritikal –

- Kelayakan untuk mendapat perlindungan penyakit kritikal (kecuali untuk serangan jantung, kanser, pembedahan pintasan arteri koronari & penyakit arteri koronari lain yang serius) hanya akan bermula tiga puluh (30) hari selepas tarikh Sijil berkuatkuasa.
- Kelayakan untuk mendapat perlindungan penyakit kritikal bagi serangan jantung, kanser, pembedahan pintasan arteri koronari & penyakit arteri koronari lain yang serius hanya akan bermula enam puluh (60) hari selepas tarikh Sijil berkuatkuasa.

Tempoh Tangguh – Anda mempunyai 30 hari dari tarikh akhir sumbangan untuk membuat pembayaran. Jika anda tidak membayar sumbangan anda dalam tempoh 30 hari dari tarikh sumbangan perlu dibayar, sijil anda akan terus berkuatkuasa selagi jumlah DPP mencukupi untuk menampung nilai Tabarru' dan caj lain. Jika tidak, sijil anda akan luput.

Had ke atas Manfaat – Jumlah manfaat penyakit kritikal yang akan dibayar kepada seorang peserta di bawah Sijil ini dan semua sijil individu dan berkelompok dengan AmMetLife Takaful adalah terhad kepada RM1,000,000.

Perubahan Butiran untuk Dihubungi – Anda perlu memaklumkan kepada kami jika terdapat perubahan kepada butiran untuk menghubungi anda/penama untuk memastikan semua maklumat terkini sampai kepada anda/penama anda tepat pada masanya.

Tuntutan – Maklumkan kepada kami dengan kadar segera jika anda ingin membuat tuntutan di bawah sijil anda. Kami akan membimbing anda tentang dokumen yang perlu diserahkan bagi memproses tuntutan anda.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil Takaful untuk terma dan syarat yang lengkap.



Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Tempoh Rujukan Percuma – Jika anda tidak berpuas hati dengan sijil ini, anda boleh membatalkannya dengan memberitahu kami secara bertulis dalam tempoh 15 hari selepas menerima sijil ini. Kami akan memulangkan semula sumbangan yang telah dibayar ditolak fi pemeriksaan perubatan yang ditangguh, jika ada.

Pembatalan – Anda boleh membatalkan sijil anda pada bila-bila masa selepas Tempoh Rujukan Percuma dengan menghantar notis bertulis kepada kami. Perlu diingat bahawa amaun yang anda terima akan jauh lebih rendah daripada jumlah sumbangan yang dibayar. Sila rujuk kepada Lampiran 2 untuk jadual bayaran balik sumbangan. **la mungkin tidak menguntungkan jika anda membatalkan atau menggantikan sijil sedia ada dengan yang baru.**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi AmMetLife Takaful atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

UNTUK TUJUAN ILUSTRASI SAHAJA

Jumlah Perlindungan: RM100,000 | Umur: 30 tahun | Jantina: Lelaki | Status: Sihat |

Tempoh Perlindungan: 1 tahun

Ini bukan perlindungan sebenar dan mungkin tidak tersedia di bawah pelan ini.

Untuk perlindungan sebenar dan ilustrasi berdasarkan maklumat anda, sila rujuk Ilustrasi Manfaat.



Lampiran 1: Jadual Sumbangan

Sumbangan tahunan yang anda perlu bayar akan berbeza mengikut umur dicapai (hari lahir berikutnya), jantina dan pelan yang anda pilih seperti yang berikut:

Umur pada hari lahir berikutnya	Pelan 1 : RM50,000		Pelan 2 : RM100,000	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
18	190	195	320	330
19	190	195	320	330
20	190	195	320	330
21	190	195	320	330
22	195	195	330	330
23	195	195	330	330
24	195	195	330	330
25	195	195	330	330
26	195	195	330	330
27	195	195	330	330
28	195	195	330	330
29	195	195	330	330
30	195	195	330	330
31	210	205	360	350
32	215	205	370	350
33	215	205	370	350
34	225	205	390	350
35	240	215	420	370
36	250	225	440	390
37	275	230	490	400
38	290	240	520	420
39	310	250	560	440
40	335	265	610	470
41	375	290	690	520
42	410	310	760	560
43	450	330	840	600
44	500	355	940	650
45	555	385	1,050	710
46	650	440	1,240	820
47	720	485	1,380	910
48	805	540	1,550	1,020
49	900	600	1,740	1,140
50	1,020	685	1,980	1,310
51*	1,135	765	2,210	1,470
52*	1,245	840	2,430	1,620
53*	1,375	930	2,690	1,800
54*	1,520	1,035	2,980	2,010

*Hanya terpakai untuk pesertan sedia ada yang telah menyertai sebelum umur 50 tahun hari lahir berikutnya.

- Ini adalah pelan yang dijamin boleh diperbaharui sehingga umur tamat tempoh. Sumbangan tahunan akan meningkat mengikut usia dicapai (hari lahir berikutnya) pada ulang tahun sijil.
- Sumbangan ini tidak dijamin dan boleh disemak semula dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum sebarang perubahan sumbangan.

UNTUK TUJUAN ILUSTRASI SAHAJA

Jumlah Perlindungan: RM100,000 | Umur: 30 tahun | Jantina: Lelaki | Status: Sihat |

Tempoh Perlindungan: 1 tahun

Ini bukan perlindungan sebenar dan mungkin tidak tersedia di bawah pelan ini.

Untuk perlindungan sebenar dan ilustrasi berdasarkan maklumat anda, sila rujuk Ilustrasi Manfaat.



Lampiran 2: Jadual Bayaran Balik Sumbangan

Anda boleh membatalkan sijil takaful ini pada bila-bila masa selepas Tempoh Rujukan Percuma dengan memberi notis secara bertulis kepada kami. Kami akan membayar balik sebahagian sumbangan dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan dalam Tahun Sijil semasa seperti berikut:

Tempoh Tidak Melebihi	Bayaran Balik Sumbangan Tahunan
1 bulan*	85%
2 bulan	70%
3 bulan	55%
4 bulan	45%
5 bulan	35%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
12 bulan	0%

*Untuk penamatan dalam Tempoh Rujukan Percuma hendaklah merujuk kepada Klausula Tempoh Rujukan Percuma.

Contoh Bayaran Balik Sumbangan	
Sumbangan tahunan: RM 330.00 Jika penamatan berlaku dalam bulan ke-4: Amaun Bayaran Balik Sumbangan : RM 330.00 x 45% = RM 148.50	Sumbangan tahunan: RM 330.00 Jika penamatan berlaku dalam bulan ke-12: Amaun Bayaran Balik Sumbangan : RM 330.00 x 0% = RM 0.00